

# SP Group sumbang \$1.1j bantu 2,700 keluarga KidSTART didik anak melalui aktiviti bermain

Sekitar 2,700 keluarga bakal terima versi baru Pek *PlayFULL* yang ikut kesesuaian umur daripada bayi hingga 6 tahun

**NUR SYUHRAH HASSAN**  
nsyuhrah@sph.com.sg

Sebagai peminat tegar permainan video, Cik Norasma' Sapari, 39 tahun, dan suami, Encik Norhaizat Mohamed Noor, 44 tahun, berkata alat seperti konsol Xbox, televisyen dan komputer di rumah mereka turut mendedahkan empat anak mereka yang berumur tiga hingga 20 tahun kepada masa skrin yang tinggi.

Malah, kecenderungan anak bongsu mereka untuk menghabiskan masa di depan skrin meskipun belum pandai bermain permainan video, mula membimbangkan pasangan suami isteri itu.

Justeru, Pek *PlayFULL* yang mereka terima di bawah program KidSTART pada Januari 2025 amat bermanfaat dan membantu mereka untuk mengawal masa skrin anak, kata mereka.

Dengan mainan seperti seperti blok kayu dan mainan yang boleh ditarik dengan tali (pull-toy) dalam Pek *PlayFULL* itu, mereka dapat mengalihkan perhatian anak-anak kepada aktiviti kreatif tanpa bergantung pada skrin.

“Dengan panduan dan mainan dalam pek itu, anak kedua hingga anak bongsu saya itu se-



Menteri Negara (Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Ehwal Luar), Encik Zhulkarnain Abdul Rahim (kanan, duduk), meluangkan masa berinteraksi dan mencuba aktiviti melukis tanah liat bersama keluarga Cik Norasma' Sapari (kiri, berdiri) semasa Festival *Play It Forward* 2026 di Pusat Kebudayaan Cina Singapura pada 13 Jun. Bersama dalam gambar (dari kiri, duduk) Noriysha Norhaizat; Norizadin Norhaizat; Norishlah Norhaizat dan Encik Norhaizat Mohamed Noor. (Dua dari kiri, berdiri) CEO KidSTART Singapore, Encik Joel Tan; Pengarah Gmaximus, Encik Valerian Loke; dan Pengarah Urusan Community Chest, Encik Jack Lim. – Foto BM oleh NUR DIYANA TAHA

karang tahu bagaimana untuk bermain bersama dan kurang bergantung pada alat elektronik di rumah,” ujar Cik Norasma', seorang suri rumah.

Pek *PlayFULL* yang dimanfaatkan Cik Norasma' dan suami itu kini akan diperbaharui dengan sumbangan dana bernilai \$1.1 juta daripada syarikat pembekal tenaga SP Group.

Sekitar 2,700 keluarga di bawah program KidSTART bakal menerima versi baharu Pek *PlayFULL* yang mengikut kesesuaian umur daripada bayi hingga enam tahun.

Inisiatif itu diumumkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) KidSTART, Encik Joel Tan, di acara pelancaran Festival *Play It Forward* 2026 di Pu-

sat Kebudayaan Cina Singapura pada 13 Jun.

Acara tersebut turut dihadiri Menteri Negara (Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Ehwal Luar), Encik Zhulkarnain Abdul Rahim, selaku tetamu terhormat.

Dalam ucapannya, Encik Zhulkarnain turut menyatakan usaha menyokong perkem-

bangnan awal kanak-kanak merupakan usaha segenap lapisan masyarakat.

“Sokongan terhadap kanak-kanak dan keluarga tidak boleh dilakukan oleh satu pertubuhan atau pemerintah sahaja.

“Kami percaya apabila kita berganding bahu dengan agensi perkhidmatan sosial, rakan korporat seperti SP Group, sukarelawan dan masyarakat, kita dapat membina sebuah masyarakat di mana setiap kanak-kanak berpeluang untuk berkembang maju,” kata beliau.

Menjawab pertanyaan *Berita Minggu* (BM), Encik Tan menjelaskan bahawa KidSTART memahami cabaran masa skrin yang dihadapi ibu bapa moden.

“Kami sedar skrin adalah sebahagian daripada kehidupan harian. Oleh itu, daripada sekadar menyuruh keluarga mengurangkan masa skrin, kami menawarkan alternatif mudah dan realistik melalui Pek *PlayFULL*.

“Aktiviti santai ini membantu kanak-kanak menggunakan imaginasi dan berkomunikasi secara bersemuka. Malah, beberapa minit permainan yang sengaja diluahkan setiap hari sudah mampu membawa perubahan besar pada perkembangan anak,” kata Encik Tan.